




SYUQQREE DAIN

PENDUDUK Projek Perumahan Rakyat (PPR) Sungai Bonus mengambil inisiatif murni dalam usaha mencantikkan lobi lif di kediaman mereka dengan mengetengahkan konsep 'lobi hotel'. Projek pengindahan ini pada asalnya dicetuskan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), namun direalisasikan sepenuhnya oleh semangat gotong-royong dan perbincangan antara penghuni dua blok utama flat iaitu Blok A dan Blok B. Dengan 17 tingkat keseluruhannya, usaha ini dilihat sebagai langkah positif ke arah mewujudkan suasana yang lebih selesa dan berwibawa dalam kalangan penduduk.

Selain memperindah kawasan, aspek keselamatan turut diberi penekanan melalui pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) di beberapa lokasi strategik bagi menangani masalah kecurian yang pernah berlaku. Projek ini bukan sahaja bertujuan menjadikan kawasan lobi lebih bersih dan menarik, tetapi memberi kesedaran kepada penduduk untuk bersama-sama menjaga kebersihan serta keindahan persekitaran tempat tinggal mereka. Setiap tingkat pula menampilkan tema hiasan yang berbeza hasil rundingan antara penghuni dan ketua tingkat, namun tetap mengekalkan konsep asas iaitu seperti lobi hotel.

Namun begitu, projek ini tidak terlepas daripada cabaran, khususnya dari segi kewangan. Kos pengindahan setiap tingkat dianggarkan sekitar RM2,000 hingga RM2,500 dan bergantung sepenuhnya kepada sumbangan sukarela penduduk. Memandangkan ramai penghuni terdiri daripada golongan berpendapatan rendah serta suri rumah tanpa pendapatan tetap, tidak semua mampu menyumbang. Namun, semangat kebersamaan dan keprihatinan sesama jiran menjadi pemangkin utama kejayaan inisiatif ini.

Harapan besar disandarkan agar projek ini bukan sekadar inisiatif sementara tetapi menjadi satu budaya berterusan dalam kalangan penghuni PPR Sungai Bonus. Diharapkan, suasana lobi lif yang bersih, selesa dan terjaga ini akan terus dikekalkan dan menjadi contoh kepada kawasan PPR lain. Inisiatif ini membuktikan bahawa dengan semangat kerjasama komuniti, perubahan positif mampu dicapai walaupun dengan sumber yang terhad. 

